

NO. SOALAN: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 9 APRIL 2014

RUJUKAN : 6616

SOALAN:

Tuan Oscar Ling Chai Yew [SibU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan Forensik Unit mengikut negeri dan daerahnya. Mengapakah di Sarawak hanya daerah Kuching mempunyai Forensik Unit dan adakah ia mencukupi.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak PDRM mempunyai unit Forensik bagi membantu siasatan di tempat kejadian. Unit Forensik ini terdiri daripada tenaga pakar di kalangan pegawai polis yang mempunyai kelulusan ikhtisas sekurang-kurangnya mempunyai ijazah dalam bidang sains. Ketika ini unit berkenaan hanya ditempatkan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen sahaja mengikut perjawatan yang diluluskan. Tiada perjawatan yang diluluskan kepada daerah-daerah. Unit berkenaan hanya akan membantu daerah berkenaan apabila unit berkenaan diperlukan. Kementerian sedar bahawa perjawatan dan kekuatan pegawai dan anggota yang diperuntukkan bagi Unit Forensik (D10) JSJ bagi setiap kontinjen perlu ditambah untuk mengimbangi beban tugas yang semakin meningkat ketika ini. KDN akan berusaha untuk menambah perjawatan sedia ada untuk ditempatkan di daerah untuk masa hadapan.

Bagi Kontinjen Sarawak, penempatan Unit Forensik (D10) hanyalah di IPK Sarawak dan bukannya di Daerah Kuching. Statistik perjawatan unit Forensik bagi seluruh negara seperti berikut:-

**PERJAWATAN DAN KEKUATAN PEGAWAI KANAN DAN ANGGOTA
UNIT FORENSIK (D10) JSJ MENGIKUT KONTINJEN:**

BIL	KONTINJEN	PEGAWAI KANAN		ANGGOTA		JUMLAH KESELURUHAN	
		PERJAWATAN	KEKUATAN	PERJAWATAN	KEKUATAN	PERJAWATAN	KEKUATAN
1.	PERLIS	2	1	8	5	10	6
2.	KEDAH	3	2	10	8	13	10
3.	PULAU PINANG	3	3	12	10	15	13
4.	PERAK	3	3	16	11	19	14
5.	SELANGOR	3	3	22	17	25	20
6.	KUALA LUMPUR	4	3	16	13	20	16
7.	NEG. SEMBILAN	3	1	14	6	17	7
8.	MELAKA	2	2	15	9	17	11
9.	JOHOR	3	4	12	9	15	13
10.	PAHANG	3	3	15	10	18	13
11.	TERENGGANU	3	2	10	8	13	10
12.	KELANTAN	3	2	9	5	12	7
13.	SABAH	2	3	16	14	18	17
14.	SARAWAK	2	2	13	9	15	11
	JUMLAH	39	34	187	133	227	168

NOTA : WARAN PERJAWATAN K63/2013